

## Bab 1: Prospek dan Cabaran Makroekonomi

Pekembangan ekonomi global dan rantau ASEAN+3 terbahagi kepada dua kisah yang berbeza pada tahun 2023. Separuh tahun pertama menyaksikan penerusan pengetatan dasar monetari yang agresif dan pergolakan sementara dalam pasaran kewangan di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, serta inflasi yang tinggi. Pada separuh tahun kedua, pengetatan dasar monetari dihentikan, pasaran kewangan kembali stabil, dan pertumbuhan di AS dan Eropah terbukti berdaya tahan di samping inflasi yang kian sederhana.

Rantau ASEAN+3 mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2023—peningkatan daripada 3.2 peratus pada tahun 2022—dipacu oleh permintaan domestik yang mantap di samping kelemahan eksport. Inflasi di rantau ini menjadi sederhana, walaupun inflasi teras kekal tinggi berikutan permintaan domestik yang kukuh. Keadaan kewangan bertambah baik menjelang akhir tahun, dengan pertumbuhan kredit yang kekal kukuh, pasaran ekuiti yang kembali pulih, kadar hasil bon yang menjadi lebih sederhana, dan kadar pertukaran mata wang asing yang kian stabil. Tahap rizab antarabangsa yang sihat menyumbang kepada daya tahan luaran rantau ini.

Ekonomi rantau ASEAN+3 diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih pantas iaitu 4.5 peratus pada tahun 2024, sebelum menjadi lebih sederhana pada 4.2 peratus pada tahun 2025. Permintaan domestik dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh pemulihan pelaburan dan perbelanjaan pengguna yang kukuh. Pemulihan eksport, terutamanya dalam sektor semikonduktor dan pelancongan dijangka memberikan dorongan tambahan kepada pertumbuhan. Dalam jangka sederhana, rantau ASEAN+3 dijangka terus menjadi enjin pertumbuhan dalam ekonomi global—berkembang lebih pantas daripada purata perkembangan dunia dan menyumbang kira-kira 45 peratus kepada pertumbuhan global pada tahun 2024–2030. Inflasi diunjurkan terus menjadi sederhana tetapi pengurangan kadar inflasi akan berlaku secara beransur-ansur dan inflasi teras berkemungkinan kekal tinggi kerana permintaan domestik kekal mantap.

Prospek jangka pendek rantau ASEAN+3 boleh dipengaruhi oleh pelbagai risiko. Risiko yang paling ketara ialah lonjakan mendadak harga komoditi global disebabkan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing atau kejutan keadaan cuaca yang buruk. Risiko utama lain termasuk pertumbuhan yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan di China, limpahan negatif daripada kempen pilihan raya Presiden AS dan kemungkinan kemelesetan pertumbuhan di ekonomi-ekonomi maju utama di luar rantau ASEAN+3. Dalam jangka masa yang lebih panjang, konfrontasi geopolitik yang terus meruncing, kegagalan untuk bersedia menghadapi populasi yang semakin menua, perubahan iklim, serangan siber, dan wabak pandemik menimbulkan cabaran kompleks kepada kestabilan makro kewangan.

Namun begitu, prospek positif semasa bagi rantau ASEAN+3 memberikan peluang untuk membina semula ruang dasar yang hilang semasa pandemik. Pada tahun 2023, penyatuan fiskal diteruskan di kebanyakan ekonomi ASEAN+3, walaupun kebanyakannya belum mendapatkan semula ruang dasar pra-pandemik sepenuhnya, manakala hampir semua bank pusat di rantau ini telah mengekalkan dasar monetari mereka yang agak ketat untuk membendung tekanan inflasi. Melangkah ke hadapan, keutamaan dasar fiskal harus ditujukan untuk memulihkan penampakan sambil memberikan sokongan yang disasarkan untuk ekonomi. Sementara itu, adalah penting bagi dasar monetari untuk terus menambat jangkakan inflasi memandangkan risiko kenaikan inflasi berterusan.

Melihat kembali kepada perkembangan ekonomi sejak bermulanya COVID-19, walaupun pemulihan awal adalah kukuh, pertumbuhan KDNK bagi rantau ini kekal di bawah trend pra-pandemik. Ini mencerminkan pelarasan berterusan dan kesan parut yang telah merendahkan trend pertumbuhan di tengah-tengah persekitaran global yang mencabar. Terutamanya, pemulihan dalam pelaburan sangat lemah. Dasar untuk menyokong pelaburan dalam bidang yang meningkatkan produktiviti dan daya tahan, terutamanya untuk perusahaan kecil, adalah penting untuk mengemudi pertumbuhan kembali ke trend pra-pandemik. Kerjasama serantau yang lebih erat juga boleh mengukuhkan potensi pertumbuhan yang terhakis akibat pandemik.

**ASEAN+3: Anggaran dan Ramalan Pertumbuhan dan Inflasi Kakitangan AMRO, 2024–25***(Peratus, perubahan tahunan)*

Ekonomi	Pertumbuhan KDNK			Inflasi		
	2023a	2024r	2025r	2023a	2024r	2025r
<b>ASEAN+3</b>	<b>4.3</b>	<b>4.5</b>	<b>4.2</b>	<b>6.3</b>	<b>4.3</b>	<b>3.7</b>
<b>kecuali LA &amp; MM</b>	–	–	–	<b>2.8</b>	<b>2.5</b>	<b>2.3</b>
<b>Plus-3</b>	<b>4.4</b>	<b>4.4</b>	<b>4.1</b>	<b>2.3</b>	<b>2.1</b>	<b>2.0</b>
China	5.2	5.3	4.9	0.2	1.0	1.6
Hong Kong	3.2	3.5	3.0	2.1	2.5	2.3
Jepun	1.9	1.1	1.0	3.3	2.5	2.1
Korea	1.4	2.3	2.1	3.6	2.5	2.0
<b>ASEAN</b>	<b>4.2</b>	<b>4.8</b>	<b>4.9</b>	<b>8.0</b>	<b>5.2</b>	<b>4.4</b>
<b>kecuali LA &amp; MM</b>	–	–	–	<b>3.0</b>	<b>2.7</b>	<b>2.4</b>
Brunei	1.4	2.7	2.9	0.4	1.4	1.0
Kemboja	5.3	6.2	6.4	2.1	3.1	2.8
Indonesia	5.0	5.2	5.2	3.7	2.8	2.5
Lao PDR	4.3	4.7	4.9	31.2	14.3	9.3
Malaysia	3.7	5.0	4.7	2.5	2.5	3.0
Myanmar	3.4	3.2	3.2	24.4	16.1	15.8
Filipina	5.6	6.3	6.5	6.0	3.6	2.9
Singapura	1.1	2.6	1.9	4.8	3.0	2.5
Thailand	1.9	2.9	3.1	1.2	1.2	1.9
Vietnam	5.1	6.0	6.5	3.3	3.6	2.7

Sumber: Pihak berkuasa negara melalui CEIC dan Haver Analytics; anggaran dan ramalan kakitangan AMRO.

Nota: a = anggaran; r = ramalan; LA = Lao PDR; MM = Myanmar. Angka pertumbuhan dan inflasi Myanmar adalah berdasarkan tahun fiskalnya, yang bermula dari 1 April hingga 31 Mac. Agregat serantau untuk pertumbuhan dianggarkan menggunakan purata berwajaran KDNK 2022 berasaskan pariti kuasa beli; agregat serantau untuk inflasi dikira menggunakan purata mudah.

## Bab 2: Mengemudi Masa Hadapan

Rantau ASEAN+3 telah mencapai kemajuan ekonomi yang pesat dalam dua dekad yang lalu. Secara keseluruhan, ekonomi ASEAN+3 kini menjadi pemacu terbesar pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor yang memudahkan pertumbuhan luar biasa semakin berkurangan manakala cabaran semakin meningkat, dan kelajuan pengembangan rantau ini mengejar negara-negara berpendapatan tinggi telah menjadi lebih perlahan sejak krisis kewangan global 2008–2009. Lebih kritikal lagi, rantau ini mengalami kelembapan pertumbuhan ini dalam persekitaran yang semakin dibelenggu oleh cabaran daripada trend sekular utama, termasuk penuaan, konfigurasi semula perdagangan global, dan perubahan teknologi yang pesat.

Proses penuaan berlaku lebih pantas di rantau ASEAN+3 berbanding di rantau-rantau lain. Jumlah penduduk usia bekerja diunjurkan akan menyusut pada separuh kedua dekad ini, yang membawa implikasi negatif terhadap potensi pertumbuhan rantau, kestabilan makroekonomi, dan kemampuan kewangan awam. Walau bagaimanapun, akibat ini tidak semestinya termeterai dan impaknya boleh dikurangkan sedikit—terutamanya jika penduduk dibenarkan, dan mampu, untuk menua secara produktif. Apabila mempertimbangkan jangka hayat yang lebih sihat di rantau ASEAN+3, dasar yang menyokong dan menggalakkan penuaan yang sihat boleh menyaksikan kira-kira 200 juta pekerja memasuki semula tenaga kerja rantau ini menjelang 2050.


Konfigurasi semula perdagangan global yang sedang berlaku membawa implikasi penting bagi strategi eksport rantau ASEAN+3 yang telah lama terbukti berkesan. Hubungan perdagangan di seluruh dunia kian dijaja oleh dinamik geopolitik yang juga telah mendedahkan peluang perdagangan baharu bagi ekonomi ASEAN+3 yang dapat memanfaatkan kelebihan bandingan mereka dengan pantas. Pada masa yang sama, perdagangan rantau ini telah tertumpu kepada rakan dagang yang lebih sedikit dan—dalam ekonomi dunia yang tidak menentu—ini boleh membawa kepada keterjaminan ekonomi yang lebih rendah. Sebaliknya, memanfaatkan perdagangan perkhidmatan rentas sempadan, terutamanya perkhidmatan moden dan digital, menawarkan peluang yang signifikan untuk pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi.

Teknologi akan membuahkan banyak penyelesaian yang boleh digunapakai oleh rantau ASEAN+3 untuk mengemudi peralihan demografi dan konfigurasi semula perdagangan global yang sedang berlaku. Kemajuan teknologi dalam bidang perubatan, automasi, dan platform kerja dan pembelajaran sangat penting untuk membolehkan penuaan yang produktif. Teknologi maju untuk sektor pengeluaran dan logistik pintar akan memainkan peranan penting dalam menjadikan rantaian bekalan serantau sangat tangkas terhadap kejutan mendadak. Namun, teknologi juga merupakan pembawa perubahan. Kemajuan pesat dalam kecerdasan buatan, contohnya—terutamanya dalam kecerdasan buatan generatif atau GenAI—telah menimbulkan kebimbangan yang sah tentang masa depan pekerjaan. Pendekatan yang realistik, berkeadilan, dan seimbang terhadap keupayaan GenAI akan menjadi pendekatan yang wajar pada masa ini.

Walaupun campuran dasar optimum—dan jangka masa—akan berbeza merentas ekonomi rantau, dasar domestik yang direka dengan baik yang (1) menekankan infrastruktur berkualiti, (2) menggalakkan inovasi, dan (3) menggalakkan keterangkuman, akan membolehkan setiap ekonomi mengubah cabaran daripada trend sekular ini menjadi peluang pertumbuhan.

Penuaan, konfigurasi semula perdagangan, dan perubahan teknologi yang pesat merupakan cabaran jangka panjang yang dialami oleh semua negara. Tindak balas yang berkesan terhadap cabaran-cabaran ini—seperti diversifikasi ekonomi, peningkatan infrastruktur, penyebaran teknologi, dan mobiliti tenaga kerja—memerlukan dialog yang mendalam dan inklusif antara ekonomi ASEAN+3 dan rakan kongsi ekonomi utama. Memanfaatkan kekuatan tindakan kolektif akan menghasilkan pertumbuhan jangka panjang ASEAN+3 yang mantap dan berdaya tahan—tidak kira bagaimana ekonomi global akhirnya tersusun.

**ASEAN+3: Pilihan Dasar Utama untuk Mengemudi Perubahan Sekular Utama**



Sumber: Staf AMRO.

*Versi ini adalah terjemahan dari versi asli dalam bahasa Inggris untuk tujuan informasi saja. Jika terdapat perbedaan, versi bahasa Inggris yang harus dirujuk.*